



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - ISNIN, 25 OGOS 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	SUARA WANITA PERLU DIDENGARI DALAM PEMBINAAN NEGARA – RAJA ZARITH SOFIAH		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/suara-wanita-perlu-didengari-dalam-pembinaan-negara-raja-zarith-sofiah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2460170	BERNAMA.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/rapatkan-jurang-gender_-hargai-peranan-wanita-raja-permaisuri-agong	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2460165	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/744927/berita/nasional/raja-zarith-sofiah-tekan-kepentingan-suara-wanita-dalam-pembinaan-negara	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PERLUAS KEMPEN HENTIKAN BULI DI SELURUH NEGERI		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/perluas-kempen-hentikan-buli-di-seluruh-negeri/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PENGUSAHA CENDERUNG JAGA KANAK-KANAK USIA LEBIH SETAHUN		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/744837/berita/laporan-khas/pengusaha-cenderung-jaga-kanak-kanak-usia-lebih-setahun	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	TASKA TAK TERIMA BAYI JEJAS KARIER IBU BEKERJA		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/744833/berita/laporan-khas/taska-tak-terima-bayi-jejas-karier-ibu-bekerja	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	ISU KESELAMATAN ANTARA SEBAB TIADA KHIDMAT JAGA BAYI		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/744840/berita/laporan-khas/isu-keselamatan-antara-sebab-tiada-khidmat-jaga-bayi	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KANAK-KANAK AUTISTIK DILAPORKAN HILANG DI BATU KAWA		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-autistik-dilaporkan-hilang-di-batu-kawa	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/08/24/kanak-kanak-autisme-hilang-di-batu-kawa/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	TIGA INDIVIDU DIRAKAM KETERANGAN BERKAITAN KES KANAK-KANAK 3 TAHUN TERJATUH		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/tiga-individu-dirakam-keterangan-berkaitan-kes-kanak-kanak-3-tahun-terjatuh/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1256183/kanak-kanak-maut-jatuh-pangsapuri-polis-rakam-keterangan-tiga-individu	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-maut-jatuh-pangsapuri-tiga-individu-sudah-dirakam-keterangan-polis-535575	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2460164	BERNAMA.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/tiga-individu-dirakam-keterangan-bantu-siasatan-budak-maut-jatuh-pangsapuri	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/111956/police-record-statements-from-three-individuals-in-death-of-toddler-who-fell-from-sixth-floor	THEVIBES.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1264848/police-waiting-record-mothers-statement-toddlers-fatal-fall-case	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	CEKIK TEMAN WANITA KERANA TIDAK TAHAN DIKONGKONG		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1256185/cekik-teman-wanita-kerana-tidak-tahan-dikongkong	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1437406/terekan-dikongkong-lelaki-dipercayai-cekik-teman-wanita-sampai-mati	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/08/24/serah-diri-lepas-cekik-mati-teman-wanita	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/744896/berita/semasa/lelaki-hubungi-polis-selepas-bunuh-teman-wanita	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-maut-dicekik-teman-lelaki-tertekan-dikongkong-polis-535597	ASTROAWANI.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/tertekan-dikongkong-dipercayai-punca-lelaki-bunuh-teman-wanita/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/753271	MALAYSKIAKINI.COM	
	https://thesun.my/cerita/berita/wanita-maut-dicekik-teman-lelaki-tertekan-dikongkong-di-shah-alam-AH14752604	THESUN.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/08/24/lelaki-telefon-polis-mengaku-cekik-teman-wanita-sampai-mati	MSTAR.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/08/24/wanita-maut-dicekik-teman-lelaki-tertekan-dikongkong/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	BUDAK 3 TAHUN ANTARA 3 MAUT DUA KENDERAAN BERTEMBUNG DI ROMPIN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1437531/budak-3-tahun-antara-3-maut-dua-kenderaan-bertembung-di-rompin	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/tiga-maut-termasuk-kanak-kanak-dalam-nahas-dua-kenderaan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2460221	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/08/1256290/budak-3-tahun-antara-tiga-maut-kemalangan-di-rompin	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1265042/three-killed-rompin-road-crash-including-toddler	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suara wanita perlu didengari dalam pembinaan negara – Raja Zarith Sofiah

© 24 Ogos 2025, 9:37pm



KUALA LUMPUR: Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah, menyeru agar suara dan pandangan wanita di Malaysia didengari dan diambil kira di peringkat tertinggi dalam penggubalan dasar serta proses membuat keputusan negara.

Baginda bertitah, walaupun wanita Malaysia telah mencapai pelbagai kejayaan, masih banyak usaha perlu dilakukan untuk memastikan peranan mereka diiktiraf sepenuhnya dalam pembangunan negara.

"Untuk benar-benar menghargai wanita dalam usaha membangunkan negara ini, kita mesti mengambil langkah proaktif bagi memanfaatkan potensi intelek yang tersembunyi dalam diri wanita," titah baginda.

Raja Permaisuri Agong turut merujuk Laporan Indeks Jurang Gender Global oleh Forum Ekonomi Dunia 2022, yang meletakkan Malaysia di tangga ke-103 daripada 146 negara.

"Jika kita benar-benar mahu menghargai wanita dalam pembangunan negara, kita perlu mengejar kemajuan seperti negara jiran dan membuktikan bahawa suara serta pandangan wanita didengari di peringkat tertinggi, serta diambil kira dalam penggubalan dasar dan semua keputusan penting," titah baginda.



Baginda bertitah semasa Sambutan Hari Wanita Kebangsaan ke-64 tahun 2025 yang dianjurkan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) di ibu negara, hari ini.

Sementara itu, Raja Zarith Sofiah menzahirkan penghargaan kepada wanita-wanita yang dianggap wira harian di seluruh negara.

"Mereka yang membesarkan anak-anak, merawat warga emas dan pesakit, bertungkus-lumus di ladang, menjalankan perniagaan, mendidik generasi, menjaga komuniti dan memastikan keluarga mereka memiliki rumah yang selesa," titah baginda.

Baginda menekankan bahawa sumbangan wanita mungkin tidak selalu tercatat dalam buku sejarah, namun ia memainkan peranan penting dalam kejayaan negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perluas kempen Hentikan Buli di seluruh negeri



NORAINI Ahmad merasmikan Karnival Inspirasi Wanita Luar Biasa 2025 "Dari Wanita Untuk Wanita" di PWTC, Kuala Lumpur, hari ini. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

Oleh JOHANNA MUMTAZ WANPA 24 Ogos 2025, 10:46 am

PETALING JAYA: Kempen Hentikan Buli akan diperluaskan ke seluruh negeri bagi memastikan masalah itu tidak dianggap sebagai perkara biasa dalam kalangan masyarakat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata, isu buli bukan sahaja dialami wanita malah turut berlaku kepada lelaki walaupun jumlahnya lebih kecil.

"Perbuatan buli ini jika dibiarkan akan menjadi sesuatu yang dianggap normal. Orang akan kata, biasalah usik-usik saja tetapi sebenarnya ia tidak boleh diterima sama sekali.

"Oleh itu, kita bersama-sama harus menggerakkan kempen Hentikan Buli. Walaupun sering dikaitkan dengan wanita, sebenarnya buli juga berlaku kepada lelaki. Walaupun jumlah mereka sedikit, kita jangan abaikan.

"Johor telah melaksanakan program tersebut lebih awal namun kementerian mahu memastikan ia diperluaskan ke setiap negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Inspirasi Wanita Luar Biasa 2025 di Pusat Dagangan Dunia hari ini.

Sementara itu, Noraini berkata, pihak kementerian turut melaksanakan program khas dinamakan Aku Wanita bagi membantu golongan wanita yang berdepan tekanan akibat keganasan rumah tangga sama ada secara fizikal atau mental.

Katanya, program berkenaan bermula hari ini sebagai usaha meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu berkaitan wanita termasuk kesejahteraan dan kesihatan.

"Kita dapati ramai wanita yang mengalami tekanan akibat keganasan ini bukan sahaja secara fizikal, malah juga dari segi emosi. Justeru, kita mahu program ini diperluaskan sehingga ke peringkat bahagian bagi memastikan lebih ramai yang mendapat manfaat," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang sentiasa memberi sokongan terhadap penganjuran program Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) khususnya Program Inspirasi Wanita Luar Biasa 2025. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengusaha cenderung jaga kanak-kanak usia lebih setahun



NORHASPIDA YATIM

Follow

24 Ogos 2025 09:50am



Pengusaha taska berdepan tekanan besar untuk terus beroperasi walaupun ketika ini jumlah taska berdaftar di Terengganu masih stabil - Gambar hiasan, gambar kecil: Ummi Rahimah

KUALA TERENGGANU – Kos gaji minimum pekerja RM1,700 antara punca terdapat taska swasta di negeri ini tidak menerima bayi berusia tiga bulan hingga setahun.

Timbalan Pengerusi Persatuan Pendidik Taska Swasta Negeri Terengganu (PPTNT), Ummi Rahimah Hassan berkata, dengan yuran bayi sekitar RM500 seorang, jumlah bayaran untuk tiga orang bayi hanya mencecah RM1,500 sedangkan pengusaha perlu membayar gaji minimum RM1,700 sebulan kepada seorang pengasuh.

“Situasi ini menyebabkan pengusaha terpaksa menampung kekurangan kos daripada poket sendiri selain berdepan kenaikan harga barang basah dan kering.

“Disebabkan itu ramai pengusaha lebih cenderung menerima kanak-kanak berusia lebih setahun kerana nisbah jagaan yang lebih tinggi dan mampu menampung kos gaji kakitangan,” katanya.

Beliau berkata, pengusaha taska berdepan tekanan besar untuk terus beroperasi walaupun ketika ini jumlah taska berdaftar di Terengganu masih stabil dengan rekod taska berdaftar sebanyak 135 buah seluruh negeri.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan dapat menyalurkan geran khas bagi membantu taska swasta menambah baik fasiliti dan meneruskan operasi tanpa terbeban dengan isu kos.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Taska tak terima bayi jejas karier ibu bekerja



NURUL HIDAYAH HAMID [Follow](#)

24 Ogos 2025 09:10am



Ramai wanita berdepan pilihan sukar sama kerana gagal mencari pusat jagaan untuk anak - Gambar hiasan, gambar kecil: Bibi Sunita

SHAH ALAM - Kekurangan pusat penjagaan kanak-kanak yang mahu mengambil bayi pada masa kini menjadi ancaman besar kepada ibu muda di Malaysia untuk kekal bekerja sekali gus menjejaskan penyertaan wanita dalam sektor tenaga kerja.

Pengerusi Persatuan Gerak Wanita Islam Malaysia (Gerakwanis), Bibi Sunita Sakandar Khan berkata, ramai wanita berdepan pilihan sukar sama ada terus bekerja atau berhenti kerana gagal mencari pusat jagaan untuk anak selain terpaksa menghabiskan sebahagian besar gaji untuk membayar yuran.

Beliau berkata, trend wanita berhenti kerja juga semakin membimbangkan apabila Khazanah Research Institute (KRI) menyatakan penjagaan bayi menjadi faktor utama kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja kekal rendah berbanding negara lain.

"Situasi itu menyebabkan ramai akhirnya memilih untuk berhenti kerja walaupun keputusan tersebut tidak ideal dari segi ekonomi, namun mereka tiada pilihan dan ia memberi kesan kepada kewangan keluarga.

Bibi Sunita menambah, ramai ibu muda juga didapati mengambil keputusan berhenti kerja kerana tidak yakin menghantar anak ke taska, terutama bayi bawah dua tahun, selain isu keselamatan dan yuran tinggi.

Beliau turut berkongsi kes dilaporkan kepada pihaknya melibatkan seorang pembantu akauntan berusia lebih kurang 33 tahun dan meraih pendapatan lebih RM3,000 tetapi memilih berhenti kerja untuk menjaga anak sendiri.

Menurutnya lagi, ada wanita yang menolak kenaikan pangkat, malah terdapat beralih kepada kerja separuh masa demi fleksibiliti masa walaupun tanpa perlindungan insurans.

"Ada satu kes melibatkan seorang jururawat ibu tunggal yang terpaksa berhenti kerja kerana tidak mampu mengurus anak-anak yang ramai," katanya.

Bagi mengatasi isu itu, Bibi Sunita mencadangkan supaya kerajaan memberi subsidi untuk bayi bawah dua tahun bagi mengimbangi kos operasi taska dan potongan cukai kepada pengusaha taska serta syarikat yang menyediakan pusat jagaan.

"Selain itu, galakan pusat asuhan di tempat kerja dengan insentif cukai berganda, kewajipan ruang taska di kawasan perindustrian," katanya.

Turut dicadangkan peluasan taska komuniti, bantuan kupon, baucar atau rebat terus kepada keluarga berpendapatan sederhana dan rendah bagi meringankan beban yuran taska.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Isu keselamatan antara sebab tiada khidmat jaga bayi



NORAWAZNI YUSOF

Follow

24 Ogos 2025 10:10am



Pekerja kepada Salawati membantu anak-anak asuhan melakukan aktiviti di taska miliknya di Bandar Damansara di sini pada Selasa. Foto Sinar Harian, gambar kecil: Salawati

KUANTAN – Kenaikan yuran dan faktor keselamatan menjadi penyebab kebanyakan taska di Pahang tidak menawarkan perkhidmatan menjaga bayi sejak awal tahun ini.

Pengusaha Taska Lestari Ilmu, Salawati Sulaiman, 51, berkata, kadar yuran terpaksa dinaikkan susulan pelaksanaan gaji minimum selain peraturan nisbah ditetapkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Untuk bayi bawah setahun, nisbahnya seorang pengasuh bagi tiga bayi... jika seorang bayi dikenakan caj RM600, jumlah kutipan harnya RM1,800.

Beliau berkata, walaupun terdapat subsidi yuran daripada kerajaan, namun ia hanya terhad kepada keluarga berpendapatan B40 dengan syarat tertentu.

"Subsidi memang ada, tetapi tidak semua layak... jadi ramai ibu bapa tidak dapat menikmatinya.

"Sebab itu ramai yang beralih kepada pengasuh tidak berdaftar dan pengasuh persendirian," katanya.



Engku Fatimah Nor (tengah) memaklumkan kadar yuran tinggi menjadi penyebab ibu bapa tidak mendaftarkan anak mereka.

Sementara itu, pengusaha Taska Nur Zara Temerloh, Engku Fatimah Nor Che Ku Mohammad, 35, berkata, isu keselamatan turut mendorong pengusaha menghadkan pengambilan bayi terutama selepas beberapa kes kematian dilaporkan.

Beliau berkata, pendidikan awal kanak-kanak di taska berdaftar amat penting kerana ia memberi kesan positif kepada perkembangan anak-anak apabila melangkah ke alam tadika.

"Kanak-kanak yang mendapat pendidikan awal lebih berkeyakinan diri serta mudah dan cepat memahami apa jua pelajaran di tadika kelak," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SEARCH LAUNCHED FOR 6-YEAR-OLD AUTISTIC BOY REPORTED MISSING IN BATU KAWA

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 OGOS 2025

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Search launched for 6-year-old autistic boy reported missing in Batu Kawa

KUCHING: A six-year-old boy with autism was reported missing along Jalan Kim Chu Sin in Batu Kawa here yesterday evening.

Padawan police chief Supt Mohd Irwan Hafiz Md Radzi said Enrique Bong Kai Cen was last seen in the area at around 4.15pm.

"He was last seen wearing a white T-shirt with a sun logo on the front, and brown shorts," he said in a statement last night.

Mohd Irwan urged those with information to contact Sgt Alex Daniel Jita on 0111-8816338, the Padawan district police headquarters on 082-862233, or the nearest police station.

Meanwhile, the Fire and Rescue Department (Bomba) initiated a search for Enrique following a distress call received at 7.19pm.

Bomba said an earlier search by the boy's family recovered



Enrique Bong Kai Cen

one of his shoes about 10 metres from the Kampung Kim Chu Sin river, and the second one about 30 metres away.

Rescuers commenced the search at around the area up until a nearby garden but without success. Police have also mobilised their K9 and drone units to aid the search

At the time of writing, the search for Enrique was ongoing.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak autistik dilaporkan hilang di Batu Kawa

Nasional - Dicipta: 24 Ogos 2025 09:57 PM



Enrique Bong Kai Cen

KUCHING, 24 Ogos –Seorang kanak-kanak lelaki autistik dilaporkan hilang selepas keluar dari rumahnya di Jalan Kim Chu Sin Batu Kawa, di sini, petang tadi.

Ketua Polis Daerah Padawan Superintenden Mohd Irwan Hafiz Md Radzi berkata pihaknya menerima laporan mengenai kehilangan Enrique Bong Kai Cen, kira-kira pukul 6.17 petang tadi.

"Enrique dilaporkan hilang kira-kira pukul 4.15 minit petang dan memakai kemeja-T putih tanpa kolar dan seluar pendek warna coklat serta berselipar," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, laporan dari Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak menyatakan, usaha mencari oleh ahli keluarga menemukan sepasang kasut mangsa pada jarak kira-kira 10 hingga 30 meter dari kawasan rumah, berhampiran anak sungai Kampung Kim Chu Shin.

Susulan laporan kehilangan itu, JBPM menggerakkan tujuh anggota bersama sebuah jentera FRT dan sebuah EMRS dari Balai Bomba dan Penyelamat Batu Lintang ke lokasi.

Pasukan bomba menjalankan pencarian di kawasan hutan kebun dan anak sungai, manakala penduduk kampung turut memantau di jeti sungai besar Batu Kawa.

Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh hubungi Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Padawan, Sarjan Alex Daniel Jita di talian 011- 1881 6338 atau 082-862 233 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 3 INTERVIEWED OVER FATAL FALL OF 3-YEAR-OLD IN KOTA DAMANSARA

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 OGOS 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

3 interviewed over fatal fall of 3-year-old in Kota Damansara

KUALA LUMPUR: The police have recorded statements from three individuals in connection with the death of a three-year-old boy who fell from the sixth floor of an apartment in Kota Damansara last Thursday.

Petaling Jaya police chief ACP Shahrulnizam Ja'afar confirmed that the three individuals involved are the boy's uncle, aunt, and the mother's friend.

He said the mother's statement has not yet been recorded as she is currently in Perak handling her son's funeral arrangements.

In addition to the mother, three other witnesses, including

neighbours who heard the sound of the fall and loud noises, are being questioned, he added.

"The investigating officer is still in the process of completing the investigation. The investigation papers will be submitted to the deputy public prosecutor once all necessary actions have been completed," he said in a statement yesterday.

The incident, which occurred at 4.42pm, was reported when a member of the public discovered the victim on the pedestrian path, believed to have fallen from the upper floor of the apartment building. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tiga individu dirakam keterangan berkaitan kes kanak-kanak 3 tahun terjatuh



Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM 24 Ogos 2025, 4:25 pm

PETALING JAYA: Polis sudah merakam keterangan tiga individu berkaitan kes kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun yang maut selepas dipercayai terjatuh dari tingkat enam pangsapuri di Kota Damansara, di sini, Khamis lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Superintenden M. Hussin Sollehuddin Zolkify berkata, setakat ini tiga individu tersebut merupakan penghuni rumah yang terdiri daripada ibu saudara, bapa saudara serta rakan kepada ibu mangsa.

Menurutnya, ibunya pula belum dirakam keterangan kerana berada di Perak kerana urusan pengebumian anaknya.

"Kita juga akan merakam keterangan tiga lagi saksi iaitu jiran yang terdengar bunyi terjatuh serta bunyi bising.

"Pegawai penyiasat kes masih dalam tindakan melengkapkan siasatan. Kertas siasatan akan dimajukan ke Timbalan Pendakwa Raya (TPR) setelah semua keterangan dan tindakan selesai diambil," katanya dalam kenyataan hari ini.

Media semalam melaporkan kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun maut selepas dipercayai terjatuh dari tingkat enam pangsapuri di Kota Damansara, di sini, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Ja'afar dilaporkan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada 4.42 petang.

Menurutnya, mangsa sebelum itu ditemui orang awam dalam keadaan terbaring di laluan pejalan kaki sebelum kejadian dilaporkan kepada polis.- [UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Cekik teman wanita kerana tidak tahan dikongkong

Noor Hidayah Tanzizi

hidayah.tanzizi@hmetro.com.my




FOTO hiasan

Sungai Buloh: Gara-gara tertekan kerana dikongkong, seorang lelaki dipercayai membunuh teman wanitanya dalam kejadian di sebuah pangsapuri di Kampung Baru Subang, di sini, semalam.

Suspek berusia 47 tahun itu menghubungi polis memaklumkan kejadian berkenaan pada 8.54 malam.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Mohd Hafiz Muhammad Nor berkata, pasangan kekasih berkenaan menyewa bilik di rumah berkenaan bersama seorang lagi penyewa lelaki.

Menurutnya, ketika polis tiba di rumah berkenaan, seorang lagi penyewa memaklumkan pasangan berkenaan menyewa di bilik belakang sebelum anggota mengetuk dan membuka pintu namun berkunci sebelum suspek membuka pintu.

"Hasil pemeriksaan dalam bilik berkenaan mendapati terdapat seorang wanita berusia 52 tahun terbaring atas katil dan tidak sedarkan diri.

"Pasukan perubatan daripada Hospital Sungai Buloh yang melakukan pemeriksaan pada mangsa mengesahkan wanita itu sudah meninggal dunia," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Katanya, suspek dipercayai mencekik mangsa dan kejadian itu dipercayai berpunca kerana suspek tertekan kerana dikongkong mangsa.

"Hasil pemeriksaan mendapati mangsa sudah meninggal dunia lebih daripada empat jam dan susulan itu, teman lelaki mangsa ditahan di lokasi kejadian untuk membantu siasatan lanjut.

"Suspek direman selama tujuh hari sehingga 30 Ogos ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan," katanya.

Mohd Hafiz berkata, pihaknya memandag serius insiden itu dan menyeru orang ramai supaya bertenang, tidak membuat sebarang spekulasi serta tidak mengambil sebarang tindakan yang boleh melanggar undang-undang.

"Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkenaan kejadian itu boleh hadir mana-mana balai polis berhampiran atau menghubungi pegawai penyiasat Inspektor Azraai Mohamad di talian 018-9696941," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Budak 3 tahun antara 3 maut dua kenderaan bertembung di Rompin

Oleh Fazli Ahmad - Ogos 24, 2025 @ 11:48pm



Kemalangan membabitkan dua kenderaan di Rompin, menyebabkan tiga maut dan empat lagi cedera. - Foto ihsan bomba

ROMPIN: Tiga maut termasuk seorang kanak-kanak perempuan, manakala empat lagi cedera dalam kemalangan membabitkan dua kenderaan di Jalan Muadzam Shah-Bahau, dekat Bukit Serok, hari ini.

Kemalangan membabitkan kereta dinaiki seorang lelaki, empat wanita dan seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun yang bertembung dengan sebuah pacuan empat roda dipandu seorang lelaki.

Ketika kejadian, kereta terbabit dalam perjalanan dari arah Bahau, Negeri Sembilan menuju Muadzam Shah, manakala pacuan empat roda dari arah bertentangan.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria, berkata enam anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Muadzam Shah bergegas ke lokasi sebaik menerima panggilan kecemasan jam 4.46 petang.

"Kemalangan menyebabkan seorang wanita tersepit dalam kenderaan dan meninggal dunia di tempat kejadian.

"Enam lagi mangsa termasuk pemandu pacuan empat roda dilaporkan cedera akibat nahas itu dikejarkan ke Hospital Muadzam Shah untuk rawatan.

"Bagaimanapun, dua mangsa iaitu seorang wanita berusia 18 tahun dan seorang kanak-kanak perempuan meninggal dunia ketika dirawat di Unit Kecemasan dan Trauma hospital berkenaan," katanya.

Ketua Polis Daerah Rompin, Superintendan Sharif Shai Sharif Mondoi, mengesahkan kejadian, bagaimanapun identiti ketiga-tiga mangsa yang maut belum diperolehi.

"Kita masih menyiasat hubungan semua mangsa dalam kejadian ini termasuk tiga yang maut," katanya.

Mayat semua mangsa ditempatkan di Hospital Muadzam Shah dan akan dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di Kuantan untuk bedah siasat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : **POTENSI BERLAKU GEMPA BUMI BESAR DI SEGAMAT RENDAH**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **BERITA HARIAN**

TARIKH : **25 OGOS 2025**

M/SURAT : **16**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Potensi berlaku gempa bumi besar di Segamat rendah

Daerah tidak berada dalam kawasan garis sesar aktif

Oleh Izz Laily Hussein
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Potensi gempa bumi berskala lebih besar berlaku di Segamat, Johor adalah rendah kerana daerah itu tidak berada dalam kawasan garis sesar aktif.

Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Awam/Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Madya Ir Dr Maryana Aida Ab Kadir, berkata gegaran di daerah itu semalam dikategorikan sebagai gegaran kecil dan tidak mendatangkan kesan serius kepada penduduk serta struktur yang di kawasan sekitar.

Beliau yang juga ahli kumpulan Engineering Seismology and Earthquake Engineering Research (eSEER) UTM berkata, pemanta-

uan berterusan perlu dibuat bagi membolehkan maklumat awal disalurkan kepada penduduk tidak panik.

Gempa di kawasan garis sesar: Katanya, jika merujuk kepada peta kontur Peak Ground Acceleration (PGA) National Annex: 2017 (MS EN 1888-1:2015), Johor umumnya dan Segamat, khususnya tidak berada dalam kawasan aktiviti garis sesar aktif dan ter-

letak dalam PGA empat peratus, iaitu kelajuan pergerakan tanah semasa gempa bumi.

"Gempa bumi boleh berlaku di kawasan garis sesar sama ada di kawasan darat atau laut. "Garis sesar boleh dikenal pasti sama ada aktif atau tidak. Pergerakan tanah pada garis sesar aktif untuk mencerap pergerakan atau getaran tanah semasa gempa bumi boleh dicerap menggunakan alat

GEMPA BUMI DI JOHOR



seismometer.

"Di Malaysia, rekod pergerakan tanah disebabkan oleh gempa bumi boleh didapati dari Jabatan Metrologi Malaysia (METMalaysia).

"Justeru, pemantauan perlu dibuat untuk memberi maklumat awal, selain membantu masyarakat untuk mengambil langkah berjaga-jaga, bagi mengurangkan risiko kemalangan dan kerosakan," katanya.

Maryana berkata, jika berlaku gegaran sederhana di kawasan luar lingkungan garis sesar aktif, itu mungkin disebabkan

oleh faktor lain seperti kegiatan industri berat, contohnya aktiviti kuari.

Katanya, gegaran kekuatan sederhana umumnya boleh dirasai oleh penghuni di tingkat atas bangunan tinggi. "Mereka mungkin berasa bergoyang sedikit, namun tidak ketara," katanya.

Gegaran gempa bumi lemah bermagnitud 4.1 dilaporkan berlaku di Segamat pada jam 6.13 pagi semalam, manakala gegaran gempa bumi lemah kedua bermagnitud 2.8 direkodkan berlaku di Klang pada jam 9 pagi semalam.

Kemudahan PETRONAS tak terkesan

Kuala Lumpur: PETRONAS Gas Bhd mengesahkan semua infrastruktur dan kemudahan paip gas syarikat itu selamat serta beroperasi seperti biasa, susulan gegaran kecil yang berlaku berhampiran Segamat, Johor, pagi semalam.

Sebaik menerima maklumat mengenai gegaran itu, syarikat itu berkata, pasukan teknikal syarikat segera melaksanakan prosedur keselamatan standard yang disediakan untuk sebarang kejadian seumpamanya.

"Sebagai sebahagian prosedur ini, pemeriksaan dijalankan di Stesen Pemampat Segamat, Stesen Kawalan Segamat serta sepangjan jalaran paip berkenaan.

"Hasil semakan mendapati tiada sebarang ketidaknormalan atau gangguan operasi," katanya semalam.

Imam, jemaah nyaris ditimpa kapur siling

Segamat: "Sebaik memberi salam solat Subuh, kami terkejut bunyi dentuman kuat. Tiba-tiba kapur siling runtuh. Mujur tidak kena kami," kata Imam Surau Kampung Sanglang, Saniman Abd Jamal, 76, ketika menceritakan pengalaman kejadian gempa bumi di sini, semalam.

Kegiatan berlaku jam 6.15 pagi ketika Saniman bersama beberapa jemaah solat Subuh dan gegaran turut melanda kawasan lain di daerah ini.

Saniman berkata, siling kapur jatuh satu persatu di tepi mereka tetapi mereka tidak berganjak daripada tempat solat.

"Bunyi 'letupan' lain macam. Kejadian berlaku hanya beberapa saat. Ini pengalaman paling menakutkan sejak menetap di kampung ini kira-kira 50 tahun lalu," katanya ketika ditemui semalam.

Imam Surau Batu 2, Kampung Tengai, Mohd Johan Hassan, 58, juga mengalami keadaan sama ketika menunaikan solat Subuh bersama jemaah.

Katanya, gegaran terasa ketika rakaat pertama dan beliau menjadi makmum, manakala imam sedang membaca surah.

"Saya dan jemaah merasa gegaran di lantai dan bunyi kuat dari atas bumbung surau namun tetap terus menunaikan solat hingga selesai.

"Selepas selesai, kami saling bertanya mengenai gegaran itu kerana ini pengalaman pertama sejak tinggal di kawasan ini 20 tahun lalu.

"Saya pun ada periksa keseluruhan dalam surau tengok apa-apa kerosakan sebab bunyinya macam objek jatuh," katanya.

Penduduk, Saadiah Abd Jamal, 76, turut merasai gegaran itu ketika sedang berzikir sebaik selesai menunaikan solat Subuh.

"Gegaran kedua pula menyusul pada jam 9 pagi tapi hanya berlaku dalam beberapa saat. Ketika itu, barulah saya sedar rupanya ada gempa bumi di kampung ini," katanya yang menetap di kampung itu sejak 70 tahun lalu.



Saniman melihat cebisan siling surau Kampung Sanglang, Buloh Kasap, Segamat yang jatuh akibat gegaran gempa bumi lemah yang berlaku awal pagi semalam. (Foto BERNAMA)



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	GEMPA LANDA SEGAMAT, KLUANG	AKHBAR :	HARIAN METRO
HARI :	ISNIN	M/SURAT :	01&02&03&04
TARIKH :	25 OGOS 2025	SEKTOR :	KPWKM
TONE :	NEGATIF		



JOHOR DIHLANDA GEMPA BUMI 'RUMAH KAMI SEPERTI DIGONCANG?'

Dalam suasana yang penuh ketakutan dan kebingungan, penduduk di kawasan Gempu Bumi, Segamat, Kluang, berkata, "Rumah kami seperti digoncang".

Seorang penduduk di kawasan Gempu Bumi, Segamat, Kluang, berkata, "Rumah kami seperti digoncang".

Seorang penduduk di kawasan Gempu Bumi, Segamat, Kluang, berkata, "Rumah kami seperti digoncang".



Malaysia tidak kebal daripada dilanda gempa bumi: NADMA

Malaysia tidak kebal daripada dilanda gempa bumi, kata NADMA.

Malaysia tidak kebal daripada dilanda gempa bumi, kata NADMA.

Malaysia tidak kebal daripada dilanda gempa bumi, kata NADMA.



APM siap siaga

APM siap siaga menghadapi gempa bumi.

APM siap siaga menghadapi gempa bumi.

APM siap siaga menghadapi gempa bumi.

JOHOR DIHLANDA GEMPA BUMI

Gegaran isyarat awal

Gegaran isyarat awal gempa bumi.

Gegaran isyarat awal gempa bumi.

Gegaran isyarat awal gempa bumi.

Tiada kemalangan jiwa

Tiada kemalangan jiwa akibat gempa bumi.

Tiada kemalangan jiwa akibat gempa bumi.

Tiada kemalangan jiwa akibat gempa bumi.

MAINJ saran pengurangan dua selamat, sholat haji

MAINJ saran pengurangan dua selamat, sholat haji.

MAINJ saran pengurangan dua selamat, sholat haji.

MAINJ saran pengurangan dua selamat, sholat haji.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TWO WEAK QUAKES STRIKE JOHOR

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 25 OGOS 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

8 | NEWS / Nation

Study on direct disaster warning system underway

KULAI: The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) is studying the development of a system that would allow disaster warnings to be sent directly to residents without going through telecommunication operators' (telcos) messaging systems.

Deputy Communications Minister Teo Nie Ching said the proposal to develop the system had been put forward and was hoped to be included in the 2026 Budget.

She said the system would enable disaster alerts to be delivered directly to residents in affected locations much faster than through short message service (SMS).

"MCMC is looking at developing a service that can send notifications directly (to the public) once it receives information from the National Disaster Management Agency (Nadma) regarding a particular disaster," she said.

Teo also said disaster warnings sent via SMS and through telcos took time and were not always focused on affected areas.

"When using SMS, it may seem fast, but when many people need to receive the message, it creates a 'queue' in the telco's system, which causes delays.

"This new system will send notifications directly, without going through telcos.

"Such a system is being used in many countries, including Japan," she said.

A 4.1-magnitude earthquake was reported in Segamat, Johor, at 6.13am yesterday, while a se-

cond quake measuring 2.8 magnitude hit Kluang around 9am.

The likelihood of a stronger earthquake occurring in Segamat is low as the district does not sit within an active fault line, according to an expert.

An earthquake fault line is a fracture or zone of fractures in the earth's crust where movement occurs.

Universiti Teknologi Malaysia's (UTM) Faculty of Civil Engineering senior lecturer or Associate Professor Dr Mariyana Aida Ab Kadir said yesterday's quakes were minor and posed no serious threat to residents in the areas or the surrounding structures.

However, Mariyana, who is a member of UTM's Engineering Seismology and Earthquake Engineering Research group, said continuous monitoring was necessary to provide early information and knowledge to prevent panic among residents.

"Referring to the contour map of the Peak Ground Acceleration (PGA) National Annex: 2017 (MS EN 1888-1:2015), Johor in general and Segamat in particular are not within an active fault zone."

She said if moderate tremors occurred outside of active fault zones, these could be triggered by other factors, such as heavy industrial activity, including quarrying.


Mariyana added that continuous monitoring was essential to provide early warnings and help communities take precautions to minimise the risk of accidents and damage.



Teo Nie Ching



Associate Professor Dr Mariyana Aida Ab Kadir



Surau Kampung Sanglang imam Saniman Abd Jamal checking out pieces of plaster that fell from the ceiling in the prayer hall in Segamat yesterday. BERNAMA PIC

MERSING FAULT ZONE

TWO WEAK QUAKES STRIKE JOHOR

Tremors felt in neighbouring states of Negri Sembilan, Melaka and Pahang

QISTINA SALLEHUDDIN AND MOHAMAD AL AS KUALA LUMPUR news@nst.com.my

JOHOR was shaken by two weak earthquakes this morning, with tremors felt across neighbouring states, including Negri Sembilan, Melaka and southern Pahang.

According to the Meteorological Department, the first quake, measuring 4.1 on the Richter scale, struck at 6.13am about 8km west of Segamat at a depth of 10km.

